

KHAMIS 17 JANUARI 2008

UM, M/S 27. - unimas

Projek perumahan selamat

Oleh MUHAMAD
ZAID ADNAN

KOTA SAMARAHAN

16 Jan. - Setiap projek perumahan dan pembangunan di negeri ini tidak menjejaskan alam sekitar dan selamat untuk diduduki, kata Menteri Perumahan Sarawak, Datuk Seri Abang Johari Tun Openg.

Menurut beliau, setiap permohonan projek akan diperhalusi dengan teliti termasuk kesan sosial dan alam sekitar bagi mengelakkan kesan buruk di kemudian hari.

"Kita di Sarawak telah lama memandang serius setiap projek yang akan dimajukan terutamanya projek yang memberi kesan kepada alam sekitar.

"Buat masa ini, kita tidak bemarkan sebarang projek perumahan dibangunkan di kawasan lereng bukit," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Aplikasi dan Kesenian Kreatif 2008 (ICACA) kali ke-2 di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas).

Johari mengulas permintaan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid yang mahu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya menitikberatkan kesan alam sekitar pada setiap projek yang akan dimajukan.

Ujar beliau, Sarawak telah lama mempraktikkan konsep tersebut bagi mengelakkan sebarang bencana yang tidak diinginkan berlaku.

"Mengambil contoh mengenai tanah runtuh yang berlaku di Kapit baru-baru ini, ia berpunca daripada kecuaiian penduduk yang membina penempatan haram di kawasan berbukit dan bukan kecuaiian kerajaan negeri," katanya.

Beliau berkata, setakat ini pihaknya tidak menghadapi sebarang masalah mengenai projek pembangunan dan perumahan yang dibina.

Tambahnya, Kementerian Perumahan akan meneruskan konsep pembangunan di negeri ini dengan menitikberatkan kesan sosial sama seperti kesannya kepada alam sekitar.



ABANG Johari Tun Openg (tengah) diperhatikan oleh Timbalan Naib Canselor Unimas, Dr. Khairuddin Abdul Hamid (kanan) selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Aplikasi dan Kesenian Kreatif (ICACA) 2008, di Unimas semalam.